

11/06/1999

Pemuda ikrar pertahan BN

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno berikrar akan mempertahankan parti itu dan menggembleng tenaga untuk memastikan kejayaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang.

Ikrar yang dilafazkan di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, adalah iltizam 1,943 Pemuda yang menghadiri Perhimpunan Perdana dan kem Gerak Gempur Pilihan Raya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Perhimpunan itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, anggota Majlis Tertinggi (MT) serta pemimpin Pemuda dari peringkat akar umbi.

Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata iltizam itu adalah atas kesedaran Pemuda untuk menghadapi cabaran politik dan ekonomi pada abad ke-21.

"Perkembangan politik dan ekonomi negara mutakhir ini menuntut perpaduan, ketaatan dan kesetiaan tidak berbelah bagi kepada Perdana Menteri.

"Kami menyedari ada usaha meruntuhkan kestabilan dan keutuhan Umno yang menjadi tunggak kerajaan BN," katanya.

Hishammuddin berkata, Pemuda tidak akan terpengaruh dan mengikut corak pembangkang yang sering melemparkan fitnah dan menggunakan perkataan kesat terhadap pemimpin Umno.

Sebaliknya, beliau menyifatkan taktik itu sebagai pendekatan politik sempit dan menunjukkan pembangkang ketandusan idea.

"Saya yakin Pemuda lebih matang dan rasional dalam menghadapi taktik pembangkang itu dan tidak mahu mengikut langkah mereka, menang sorak kampung tergadai," katanya sambil memberi contoh seorang pemimpin KeADILan bahagian Gombak menyerang peribadinya serta keluarga.

Hishammuddin berkata, Pemuda rasional dalam setiap tindakan dan mampu bersabar, tetapi tindakan itu tidak seharusnya ditafsirkan sebagai menunjukkan mereka takut.

Menurutnya, Pemuda juga boleh bertindak seperti pembangkang dengan menyebarkan fitnah tetapi tidak berhasrat bertindak begitu kerana ia adalah menyalahi undang-undang dan agama.

"Kita akan buktikan dalam pilihan raya ini bahawa BN akan terus memerintah, malah dengan majoriti lebih besar," katanya.

Beliau berkata, Pemuda tidak akan mempersia-siakan amanah dan tanggungjawab untuk memastikan Umno terus terpelihara dan diberikan mandat bagi mengurus agenda kecemerlangan negara.

(END)